

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 30 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1521-MQT2180
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pendirian Malaysia ekoran pakatan pertahanan AUKUS yang mana Australia akan membeli 8 buah kapal selam perang nuklear berharga AUD368 bilion dan kesannya kepada keselamatan negara-negara ASEAN berdasarkan Zone of Peace Freedom and Neutrality atau ZOPFAN dan sama ada 8 kapal selam perang nuklear akan dibenarkan beroperasi dalam rantau perairan negara-negara ASEAN.
2. PR-1521-MQT2173
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah bagi memastikan isu kesihatan mental dapat dibendung dalam kalangan anggota polis terutama yang memegang senjata api bagi memastikan anggota dapat menjalankan tugas dengan mental yang stabil.
3. PR-1521-MQT2175
Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini dalam pelaksanaan Sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) di hospital dan klinik di seluruh negara.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 30 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1521-L18251
Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil cukai serta peratusannya berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.
2. PR-1521-L19344
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kekurangan guru-guru sekolah bagi pendidikan subjek teras dan apakah perancangan Kementerian bagi jumlah pengambilan guru-guru baharu masih dilihat tidak mencukupi bagi menampung jumlah murid yang semakin ramai akibat kepadatan penduduk di sesuatu kawasan.
3. PR-1521-L18314
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan dan jumlah projek di bawah RM50 juta bagi tahun 2018 hingga 2022 (mengikut tahun) yang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak serta berapakah yang telah berjaya disiapkan.

4. PR-1521-L19350

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah komitmen dan perancangan pelan jangka masa pendek dan pelan jangka masa panjang Kementerian terhadap Projek Ekotourism Paya Lebar, daerah Alor Gajah.

5. PR-1521-L18233

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah dan perancangan Kementerian untuk memperluas senarai penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disebabkan keciciran dalam menyenaraikan penduduk yang seharusnya layak menerima bantuan.

6. PR-1521-L19236

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mengembangkan aktiviti penternakan lembu bersaiz besar (lembu sado) dalam kalangan usahawan muda dan usahawan desa yang sangat berpotensi untuk dimajukan khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu.

7. PR-1521-L18207

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan indeks perpaduan negara terkini dan apakah pihak Kementerian bercadang memperkenalkan undang-undang atau akta bagi membendung elemen permusuhan antara kaum dan agama.

8. PR-1521-L(5)00160

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi projek menukar pengeluaran getah daripada gred 'cuplump' (SMR 20) kepada jenis lateks pekat yang dipelopori oleh Lembaga Getah Malaysia. Projek ini bermatlamat bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil/penoreh getah dan mengurangkan kuantiti mengimport lateks dari negara luar seperti Vietnam dan sebagainya.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

9. PR-1521-L19183

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran dan implikasi ekonomi negara tentang perlaksanaan cukai jualan terhadap barang bernilai rendah (*Low-Value Goods* - LGV) yang bakal dilaksanakan pada bulan April 2023.

10. PR-1521-L18617
Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :
 - (a) status pembangunan Lebuhraya Pantai Barat WCE; dan
 - (b) adakah kajian kesan trafik dan perancangan naik taraf jalan penghubung ke bandar - bandar berdekatan telah dipertimbangkan.
11. PR-1521-L18422
Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mengembalikan semula sesi baharu pembukaan persekolahan pada setiap awal bulan Januari seperti sebelum-sebelum ini.
12. PR-1521-L19204
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan berkenaan pengeluaran lanjut simpanan KWSP. Sekiranya Kerajaan tidak akan membenarkan pengeluaran simpanan, apakah bentuk bantuan yang akan ditawarkan kepada rakyat bagi meringankan bebanan mereka.
13. PR-1521-L18545
Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah program dan bantuan yang disediakan bagi meningkatkan hasil dan pendapatan golongan nelayan, petani dan penternak.
14. PR-1521-L19327
Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah nisbah pekerja asing dan pekerja tempatan pada masa kini dan apakah langkah-langkah strategik yang akan diambil bagi memastikan kerja-kerja di ladang dalam negara kita dipenuhi dengan pekerja-pekerja tempatan sebagai satu langkah mengurangkan kadar pengangguran di kalangan rakyat dalam negara kita.

15. PR-1521-L19001

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini cadangan pembinaan jalan Kalabakan - Serudong yang akan menghubungkannya dengan jalan ke Simanggaris di Kalimantan, Indonesia memandangkan ianya merupakan projek berkeutamaan tinggi bagi Sabah dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelaras Perancangan Projek Pembangunan Sempadan Malaysia dan Indonesia (Sabah – Sarawak - Kalimantan) pada 7 Jun 2022.

16. PR-1521-L19339

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) bilakah Dasar Pendidikan Digital yang telah dimuktamadkan oleh KPM pada tahun 2022 akan mula dilaksanakan; dan
- (b) status pelaksanaan jaringan internet berkelajuan tinggi di sekolah-sekolah seluruh negara yang telah dirangka dibawah inisiatif KPM.Net.

17. PR-1521-L19422

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan dasar Kementerian untuk menggalakkan belia berkecimpung di dalam industri pertanian terutamanya belia luar bandar bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan menjamin bekalan makanan negara.

18. PR-1521-L18821

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peruntukan oleh Kerajaan bagi meningkatkan fasiliti tempat tumpuan pelancong di kawasan pantai di seluruh negara amnya dan di Kuantan khasnya.

19. PR-1521-L18553

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk meneruskan saluran bantuan kewangan melalui kaedah JKMPay memandangkan cara ini dilihat tidak mesra pengguna terutama mereka yang tinggal di luar bandar.

20. PR-1521-L19187
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75% akan memberi tekanan berterusan kepada kadar inflasi keseluruhannya berikutan tekanan permintaan dan kos yang masih berlarutan.
21. PR-1521-L19324
Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penggunaan modul-modul latihan ingatan (*memory training*) di dalam sistem pendidikan sedia ada.
22. PR-1521-L18944
Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kenapa hanya Tan Sri Syed Mokhtar sahaja yang diminta bertanggungjawab untuk membantu petani-petani dan tidak kepada taikun-taikun yang lain sepatutnya layak membantu rakyat.
23. PR-1521-L18463
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kerajaan dalam memastikan keterjaminan makanan tempatan, untuk mengurangkan kebergantungan bahan makanan yang diimport. Apakah ada perancangan untuk penanaman jagung, buah-buahan dan penternakan haiwan peliharaan secara besar-besaran supaya sekuriti makanan tempatan sentiasa terjamin.
24. PR-1521-L18990
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah bantuan musim menuai sebanyak RM600 akan dinaikkan memandangkan kos input padi dengan hasil pesawah tidak seimbang.
25. PR-1521-L18017
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mengembalikan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) tanpa bergantung kepada hasil laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2025 yang akan mengambil 3 tahun lagi.

26. PR-1521-L19198
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan selain dasar monetari BNM dengan menaikkan OPR dalam mengekang kenaikan inflasi dan meningkatkan pendapatan isu rumah dari semasa ke semasa.
27. PR-1521-L19045
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah statistik berkenaan kategori dan bilangan kes aduan yang difailkan dengan dan keputusan yang dibuat oleh *Ombudsman for Financial Service* (OFS), termasuk peratusan keputusan-keputusan yang memihak bank dan yang memihak pengadu-pengadu. Apa sebabnya OFS amat memihak bank-bank walaupun pihak pengadu juga merupakan mangsa *scam*.
28. PR-1521-L19055
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan sekarang terhadap desakan UEC (*Unified Examination Certificate*) yang amat bercanggah dengan sistem pendidikan kebangsaan.
29. PR-1521-L18687
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan Program Psiko Pendidikan DeStress Clinic, Klinik Undang-undang, Wanita Anti Jenayah dan Sukarelawan Skuad WAJA bagi membantu menangani masalah keganasan rumah tangga.
30. PR-1521-L18747
Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan bagi memperluas model Tahfiz Ulul Albab bagi menambah bilangan pelajar yang hafiz Al-Quran di sekolah di bawah Kementerian.
31. PR-1521-L17955
Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gopari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembaikan lebih dari 500 sekolah-sekolah daif di Sabah dan bilakah semua sekolah tersebut akan siap dibaiki.

32. PR-1521-L19107
Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pendekatan pembangunan sumber manusia oleh Kementerian khususnya dalam menempatkan jurutera atau penolong jurutera di setiap penempatan susulan semakin tinggi kes penyalahgunaan kuasa di kalangan penjawat awam ini.
33. PR-1521-L18028
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana rasionalisasi subsidi secara bersasar dapat dijalankan. Adakah sistem percukaian baharu akan diperkenalkan.
34. PR-1521-L19033
Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk menambahkan sumber kewangan negara bagi berhadapan dengan kemelut ekonomi pada tahun ini.
35. PR-1521-L18692
Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo serta rancangan jangka panjang Kementerian untuk membangunkan infrastruktur jalan raya termasuk bagi menghubungkan Sabah dan Sarawak dengan ibu kota Nusantara di Kalimantan.
36. PR-1521-L18172
Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha terkini Kementerian Pendidikan Malaysia menaik taraf sekolah komprehensif K9 S. K. Binjai Jaya, Sungai Besar ke Sekolah Komprehensif K 11 iaitu pelajar belajar dari Darjah Satu hingga Tingkatan Lima di Sekolah yang sama atas sebab-sebab tertentu.
37. PR-1521-L18731
Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tahap ketersediaan Kementerian mengadaptasi pembangunan teknologi dalam membentuk industri pelancongan yang mampan dan bersedia dengan sebarang kemungkinan penutupan pintu sempadan memandangkan terdapat kemunculan virus terbaru.

38. PR-1521-L19018

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah signifikan yang dilakukan Kerajaan bagi menjamin ketahanan ekonomi dan tingkatkan kadar pendapatan isi rumah disebabkan jangkaan kenaikan OPR dari semasa ke semasa.

39. PR-1521-L18134

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status permohonan RM700 juta NAFAS daripada Kerajaan untuk tujuan menceburi industri ternakan ayam. Dari sumber manakah pembiayaan RM700 juta tersebut diperuntukkan dan nyatakan projek apakah yang telah dibelanjakan.

40. PR-1521-L18865

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah pemuliharaan yang direncana Kerajaan dalam merencanakan sektor komoditi, terutama getah dan kelapa sawit dalam mendepani cabaran ekonomi 2023.

41. PR-1521-L19096

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk menghadapi serta memastikan bekalan telur ayam sentiasa mencukupi terutamanya di musim perayaan.

42. PR-1521-L18771

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawli [Tumpat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terhadap langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa.

43. PR-1521-L18819

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam mengawal dan mengurangkan hutang negara termasuk liabiliti sedia ada yang dilaporkan hampir mencecah Ringgit Malaysia 1.5 trilion tanpa mengurangkan subsidi mahupun bantuan-bantuan terhadap rakyat.

44. PR-1521-L19158

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) sasaran penjanaan pendapatan dan bilangan pelancong asing ke negara kita bagi tahun 2023; dan

- (b) pelan jangka pendek dan sederhana Kementerian bagi menarik pelancong domestik dan asing ke negara.

45. PR-1521-L18530

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan peruntukan bagi keperluan televisyen pintar (Smart TV) kepada sekolah-sekolah dalam usaha memantapkan pendidikan negara ke arah pembelajaran abad ke-21.

46. PR-1521-L(5)00159

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memindahkan urusan tadbir umrah ke Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) kerana dengan langkah ini pengurusan para jemaah umrah akan lebih teratur dan sistematik.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

47. PR-1521-L18413

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan waktu mengajar untuk guru besar, pengetua, guru besar cemerlang, pengetua cemerlang, guru penolong kanan dan penyelia petang. Siapakah yang memantau mereka di sekolah sekiranya mereka tidak masuk kelas. Malah mengeluarkan arahan guru lain '*relief class*' mereka.

48. PR-1521-L18625

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa kali berlaku tanah runtuh serta penutupan jalan raya di Jalan Persekutuan 8 (Jalan FT8) Bentong - Raub, Jalan Lama Bentong - Raub dari tahun 2018 - 2022.

49. PR-1521-L17999

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan pendidikan anti rasuah di sekolah rendah dan menengah dengan memasukkan ajaran anti rasuah ke dalam kurikulum bagi memupuk kejujuran dan menanam kefahaman dan sikap anti rasuah. Jika tidak, mengapa.

50. PR-1521-L(5)00169

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah rancangan pemulihan atau bantuan kewangan yang akan disediakan Kerajaan Persekutuan bagi peniaga-peniaga serta keluarga yang telah mengalami kerugian tinggi dalam bencana banjir Johor pada amnya kawasan Labis dan khususnya Pekan Chaah yang hampir 90% dimusnahkan selain daripada peruntukan RM60 juta yang telah diumumkan.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

51. PR-1521-L18141

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengembalikan peperiksaan UPSR dan PT3.

52. PR-1521-L18405

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah syarat-syarat dan pertimbangan yang diberikan bagi permohonan membuka sesuatu cawangan bank di sesuatu kawasan kerana buat masa kini tiada sesuatu pun cawangan bank yang terdapat di Pekan Tatau, Sarawak yang berpenduduk seramai hampir 30,000 orang yang terpaksa berurusan perbankan di Bandar Bintulu yang terletak 60km jauhnya.

53. PR-1521-L(5)00166

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan untuk mengatasi isu kepadatan sekolah di seluruh negara ekoran penambahan murid, khususnya di Sekolah Kebangsaan Kem Syed Sirajuddin, Gemas bagi mengelakkan berlakunya keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

54. PR-1521-L19388

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah advokasi yang diambil pasca COVID-19 dalam memberi pendidikan kepada rakyat berkenaan kaedah pengurusan pinjaman, simpanan dan aliran wang individu.

55. PR-1521-L18764

Tuan Chong Zhemini [Kampar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah *off balance sheet financing* Kerajaan yang ditanggung oleh GLC dan juga hutang yang dijamin oleh Kerajaan yang tidak termasuk dalam hutang negara.

56. PR-1521-L(5)00162

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani kelemahan sistem pengurusan identiti (IDME) yang menyukarkan tugas guru dan kelemahan sistem Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang mengambil masa panjang dalam pemakluman keputusan temu duga calon.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

57. PR-1521-L18222

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar hutang negara sudah mencecah hampir RM1.5 trilion. Nyatakan butiran jumlah hutang tersebut secara terperinci, jumlah pembayaran faedah setiap setiap bulan atas jumlah hutang tersebut, jumlah pembayaran faedah bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022 dan jangka masa jumlah hutang tersebut dapat dilangsaikan dengan sepenuhnya.

58. PR-1521-L18190

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah warga Malaysia yang sudah mendapat manfaat daripada program MySalam dan jumlah wang bantuan yang dikeluarkan untuk membantu golongan yang layak ini. Senaraikan jumlah penerima bantuan dan jumlah bantuan mengikut negeri-negeri dalam Malaysia.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R 12/2023) | Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|-----------------|--|-------------------------------|

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion tiga ratus lima puluh juta satu ratus sembilan puluh empat ribu dan sembilan ratus ringgit (RM6,350,194,900) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2022 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2022 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 2023 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

- | | | | |
|----|----------------|----------------------------------|-------------------------------|
| 2. | (D.R 4/2023) | Rang Undang-Undang Kewangan 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |

- | | | | |
|----|----------------|---|---|
| 3. | (D.R 3/2023) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 | “ |
| | | [Menteri Kewangan] | |

- | | | | |
|----|----------------|--|---|
| 4. | (D.R 7/2023) | Rang Undang-Undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |

- | | | | |
|----|----------------|---|---|
| 5. | (D.R 8/2023) | Rang Undang-Undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |

- | | | | |
|----|----------------|--|---|
| 6. | (D.R 9/2023) | Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023 | “ |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |

7. (D.R 10/2023) Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

8. (D.R 11/2023) Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023 “

[Menteri Pengangkutan]

9. (D.R 1/2023) Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023. “

[Menteri Dalam Negeri]

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

11. PR-1521-U(27)231

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah

memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1521-U(27)232

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1521-U(27)233

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan

Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

14. PR-1521-U(27)234

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

15. PR-1521-U(27)235

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1521-U(27)236

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Perdana Menteri]

17. PR-1521-U(27)237

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

18. PR-1521-U(27)238

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

19. PR-1521-U(27)239

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

20. PR-1521-U(27)240

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1521-U(27)241

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Perdana Menteri]

22. PR-1521-U(27)242

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

23. PR-1521-U(27)243

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

24. PR-1521-U(27)244

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

25. PR-1521-U(27)245

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1521-U(27)225

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepertimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "*My Story: Justice in Wilderness*", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "*Rule of Law*", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'."

[Perdana Menteri]

27. PR-1521-U(27)226

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

28. PR-1521-U(27)227

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penukuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

[Menteri Ekonomi]

29. PR-1521-U(27)228

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmi kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bancian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan

oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantaian sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

30. PR-1521-U(27)229

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surcay sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjejaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan seharian dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisien dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

31. PR-1521-U(27)230

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Perpaduan Negara]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 124	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 19	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara (ISN) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023
ST. 20	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023
ST. 21	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023
ST. 40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2021	30 Mac 2023
ST. 68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2021	30 Mac 2023
ST. 69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2021	30 Mac 2023
ST. 73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023
ST. 77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2021	30 Mac 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023
ST. 85	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023
ST. 86	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2020	30 Mac 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 30.03.2023 (Khamis)	1. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	1. Banjir Tahunan dan Perubahan Iklim di Negeri Johor	1. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
2. 30.03.2023 (Khamis)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Peruntukan Menyelenggara dan Membaik Pulih Rumah Ibadat Selain Islam (RISI)	2. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
3. 30.03.2023 (Khamis)	3. YB Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Jerantut)	3. Berkenaan Keadaan Jalan Raya di Parlimen Jerantut yang 'Menagih Nyawa'	3. YB Menteri Kerja Raya
4. 30.03.2023 (Khamis)	4. YB Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Jerantut)	4. Cadangan Membuka Pintu Masuk Kedua Taman Negara di Ulu Tembeling	4. YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**